

**UCAPAN YG. BHG. SR TAN CHENG CHUI
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN P. PINANG
DI MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2009
PADA HARI SELASA, 14 JULAI 2009, JAM 10.00 PAGI
DI TOWNHALL, JALAN PADANG KOTA LAMA,
PULAU PINANG**

Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Encik Tan Hun Wooi;

Yang Berusaha Puan Setiausaha Perbandaran;

Ketua-ketua Jabatan;

Wakil-wakil Kesatuan Sekerja;

Para Wartawan;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur majlis ini kerana telah sudi menjemput saya ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Majlis Perbandaran Pulau Pinang Bagi Tahun 2009. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada seramai 183 orang pegawai dan kakitangan Majlis yang telah dianugerahkan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2009. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan akan

meneruskan lagi usaha untuk sentiasa cemerlang dalam perkhidmatan yang diberikan pada masa-masa akan datang dengan meningkatkan pengetahuan dan daya usaha serta kreativiti diri.

..2/

-2-

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Sesungguhnya, istilah cemerlang yang ingin diterapkan di dalam diri setiap penjawat awam adalah merujuk kepada sumbangan dan pengorbanan kita yang sanggup bekerja lebih daripada tugas yang telah ditetapkan dan dalam masa yang sama memberikan hasil kerja yang berkualiti yang diharapkan oleh pihak atasan kita dengan berteraskan matlamat untuk meningkatkan prestasi dan tahap pencapaian yang unggul kepada perkhidmatan awam dan

negara amnya dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang khasnya.

3. Bagi mereka yang tidak menerima anugerah pada kali ini, ia tidak bermakna mereka tidak cemerlang di dalam perkhidmatan yang diberikan. Ini adalah kerana bilangan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini telah ditentukan kuotanya oleh pihak Kerajaan iaitu tidak melebihi 8 peratus daripada keseluruhan anggota organisasi.

4. Saya ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan bahawa Kerajaan telah memberi perhatian kepada aspek integriti setiap anggota perkhidmatan awam dalam kita mengejar kecemerlangan dalam perkhidmatan. Oleh itu, kita semua harus sedar bahawa integriti diri perlu diberi perhatian oleh penjawat awam.

..3/

5. Kita juga perlu ingat bahawa integriti yang diberi penekanan kepada kakitangan awam bukanlah semata-mata melibatkan rasuah atau penyalahgunaan kuasa tetapi melibatkan juga kebijaksanaan, amanah dan tanggungjawab terhadap tugas supaya dilaksanakan dengan jujur supaya ia dapat dijadikan disiplin dalam diri kita.

6. Selain itu, integriti juga melibatkan aspek-aspek memenuhi atau mematuhi peraturan dalam apa jua aktiviti yang kita lakukan. Kecemerlangan tidak akan tercapai tanpa integriti dan amalan nilai-nilai murni. Selain daripada memberikan perkhidmatan yang berkualiti, penjawat awam yang cemerlang juga haruslah mempunyai kewibawaan dan nilai integriti yang tinggi dalam setiap urusan. Dalam hal ini, saya juga ingin menegaskan di sini bahawa kita tidak seharusnya berkompromi dalam soal integriti ini kerana perkara ini amat penting untuk dititikberatkan di setiap peringkat perkhidmatan.

7. Budaya kerja kelas pertama memerlukan kita mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh mengekang kita

daripada melakukan sebarang penyelewengan dan pelanggaran peraturan seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, ketidakcekan, pembaziran dan amalan negatif lain yang boleh melemah dan memberikan imej negatif kepada perkhidmatan Majlis.

..4/

-4-

8. Oleh yang demikian saya menyeru kepada semua warga Majlis agar kita sama-sama terus berusaha memupuk nilai-nilai positif di kalangan anggota kita tanpa mengenal rasa penat dan jemu. Kita harus melafazkan kembali ikrar kita terhadap nilai murni yang telah lama kita cuba terapkan iaitu bersih, cekap, amanah, dedikasi dan ikhlas.

9. Bagi memastikan perkhidmatan Majlis terus wujud berlandaskan etika yang kukuh, adalah penting pihak pengurusan mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada tingkah laku warga organisasi yang berakhlak mulia. Sebaliknya sebarang kegiatan penyelewengan dan salah laku, harus ditangani dengan tindakan yang tegas dan pantas. Ini akan memberi mesej yang jelas kepada rakyat Pulau Pinang bahawa Majlis mengutamakan penghayatan nilai dan etika yang luhur di kalangan anggotanya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

10. Selain dari apa yang telah diutarakan, kita juga tidak boleh menafikan bahawa sistem penyampaian yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Negara.

..5/

11. Sistem penyampaian yang cekap juga perlu, bagi memenuhi tuntutan rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Sehubungan itu, kita perlu komited untuk terus berusaha meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Hasrat murni Kerajaan ini untuk menambah baik dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam harus mendapat sokongan seluruh anggota perkhidmatan awam termasuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

12. Kita perlu bertindak supaya lebih proaktif dalam mengenal pasti, mengkaji dan menilai kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Lantaran itu, kita di Majlis Perbandaran Pulau Pinang perlu komited untuk terus berusaha memperbaiki dan meningkatkan lagi sistem penyampaian sedia ada ke tahap yang lebih baik.

Hadirin yang dihormati,

13. Sesebuah organisasi tidak akan dapat bergerak dengan sendirinya tanpa sokongan dan sumbangan daripada warga kerjanya yang cemerlang.

..6/

-6-

Begitu juga dengan Majlis, tanpa sokongan padu dan jitu daripada tuan-tuan dan puan-puan sudah tentu kita tidak akan dapat melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan pembangunan dan kemajuan di Pulau Pinang dapat diteruskan. Sehubungan itu, saya menyeru supaya

warga Majlis akan terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang di masa-masa hadapan.

14. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2009. Anggaphlah anugerah yang diberikan ini sebagai satu cabaran untuk tuan-tuan terus mengekalkan kecemerlangan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.